

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dilakukan secara menyeluruh dan strategik yang dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pengangguran bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran adalah dalam lingkungan 3.5% hingga 5.5% pada tahun ini susulan daripada pandemik Covid-19.
2. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) DOSM, pada suku tahun pertama 2020 (ST1 2020), kadar pengangguran negara meningkat kepada 3.5% dengan kadar pengangguran di bandar pada 3.4% dan luar bandar 3.8%. Bilangan penganggur yang direkodkan dalam tempoh tersebut adalah seramai 546.6 ribu orang dengan 428.4 ribu penganggur di bandar manakala 118.2 ribu penganggur di luar bandar.
3. Kedudukan pengangguran negara pada suku tahun kedua 2020 (ST2 2020) meningkat kepada 791.8 ribu orang dengan kadar pengangguran pada 5.1%. Dari segi pengangguran mengikut strata menunjukkan bilangan penganggur di bandar meningkat kepada 644.2 ribu orang dengan kadar 5.2%. Begitu juga, pengangguran di luar bandar juga mencatatkan peningkatan dengan bilangan penganggur seramai 147.6 ribu orang pada kadar pengangguran 4.6%.
4. Dalam mendepani situasi pengangguran di Malaysia serta memperkasakan rakyat, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bertujuan membantu mereka yang telah kehilangan sumber pendapatan pekerjaan, melindungi pekerjaan dan meningkatkan kemahiran . Rakyat akan dapat memanfaatkan peluang semasa ekonomi beransur pulih melalui inisiatif PENJANA tersebut.
5. Lima (5) inisiatif PENJANA di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah Pelaksanaan Program Subsidi Upah, Manaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan , Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran dan Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig.

6. Program Subsidi Upah (PSU 1.0) dan pelanjutan Program Subsidi Upah (PSU) 2.0 telah membantu majikan yang terkesan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan. Program PSU 2.0 telah melibatkan pengagihan dana Kerajaan berjumlah RM2.4 billion dengan sasaran seramai 1.3 juta pekerja. Melalui PSU 1.0, sejumlah 331,569 syarikat dan 2.73 juta pekerja telah menerima manfaat ini. Sehingga 27 November 2020, PERKESO telah menyalurkan bantuan kepada 77,882 majikan dan 782,904 pekerja melalui program PSU 2.0.

7. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 billion kepada PERKESO untuk Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan. Program ini merangkumi insentif pengambilan pekerja, peningkatan kemahiran pekerja dan penganggur, bantuan perpindahan, dan kerjasama dengan agensi pekerjaan swasta sehingga tempoh 6 bulan. Program ini telah berjaya membantu seramai 90,930 pekerja sehingga 27 November 2020.

8. Kementerian juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020. Lima (5) skim telah diperkenalkan yang memberi penekanan terhadap latihan dan peningkatan kemahiran pekerja (upskilling dan reskilling) iaitu Place and Train, B40 Development, SME Development, Industry Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang (GIG).

Tuan Yang di-Pertua,

9. Dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan rakyat, Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah dipertanggungjawabkan untuk turut menyelaraskan pelaksanaan program PENJANA *Upskilling & Reskilling* dengan jumlah peruntukan sebanyak 2 Billion. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran ini sedang dilaksanakan merentasi 8 Kementerian dan Agensi dan akan memanfaatkan sejumlah 200 ribu belia dan golongan penganggur.

10. PENJANA *Upskilling & Reskilling* akan membantu belia dan golongan penganggur dalam mendapatkan pekerjaan baharu (*new jobs*), menghasilkan usahawan baharu (*new entrepreneurs*) atau pengekalan pekerjaan (*job retention*). Sehingga kini, sejumlah 500 juta peruntukan yang telah disalurkan dan 102,000 pelatih yang telah diluluskan untuk mengikuti pelbagai program dibawah PENJANA *Upskilling & Reskilling* ini. Langkah ini dijangka akan terus membantu mengurangkan kadar pengangguran Negara ke aras yang lebih stabil.

11. Program *upskilling* dan *reskilling* turut disediakan kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemahiran mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperolehi sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa. Ianya akan dapat membantu lepasan graduan mahupun golongan penganggur sedia ada dalam memasuki pasaran pekerjaan semula terutama dalam industri yang kurang terkesan dengan impak COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Kerajaan sedar bahawa perihal pendapatan, kesihatan, pendidikan dan keusahawanan adalah kompenen utama dalam usaha mengatasi pengangguran dan seterusnya kemiskinan. Sehubungan dengan itu, di bawah PENJANA *Upskilling & Reskilling*, terdapat beberapa Kementerian dan agensi yang menawarkan program keusahawanan seperti contoh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA).

13. *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) contohnya telah melancarkan JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER sebagai pendekatan bersepadu untuk penciptaan dan pengekalan pekerjaan,

memudahkan para peserta untuk mendapatkan pekerjaan segera dan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi dalam jangka waktu yang singkat. Sehingga kini, 929 peserta telah menerima manfaat dari program ini. Program keusahawan seperti ini telah memanfaatkan rakyat samada yang berada di bandar mahupun di luar bandar.

14. Disamping inisiatif – inisiatif PENJANA yang sedang dilaksanakan, Kementerian juga akan memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri. Pelaksanaan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) juga akan dipertingkatkan secara usahasama bersama industri dalam menghasilkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

15. Kementerian juga telah mengambil langkah proaktif bersama Kementerian Kewangan untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan sumber manusia tersebut dengan menubuhkan Jawatankuasa Pekerjaan Nasional (JKPN) pada Jun 2020. Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk memantau keadaan pasaran buruh dan pengangguran negara, menyelaras pelaksanaan inisiatif PENJANA serta dan memantau keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut.

16. Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menyediakan pelan perancangan yang komprehensif dalam mengatasi pengangguran sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Inisiatif dan isentif yang disediakan diharapkan dapat mengekalkan pekerja sedia ada serta menyediakan peluang pekerjaan kepada pekerja baharu. Keadaan ini diharapkan dapat memberi nafas baru kepada rakyat dalam meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh yang mencabar ini.

Sekian, terima kasih.